

16/09/2003

Pembangunan terjamin (HL)

Zulkifli Md Ali; Mona Ahmad; Azman Mahmood; Manzaidi Mohd Amin
PASIR MAS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan, kerajaan Barisan Nasional (BN) akan meneruskan agenda membangunkan negara termasuk di Kelantan dan Terengganu, seperti dijanjikan ketika kempen pilihan raya umum lalu.

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan Pusat yang diterajui BN membalas kepercayaan rakyat memilihnya dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat khususnya di dua negeri dikuasai kerajaan Pas itu harus tahu bersyukur dan menilai antara pihak yang sentiasa memenuhi janji dengan pihak yang hanya pandai membuat janji manis tetapi tidak mengotakannya.

"Sebagai orang Islam, apabila kita membuat janji, maka kita harus menunaikan janji. Jika kita tahu kita tidak mampu untuk menunaikan janji, adalah lebih kita tidak membuat janji.

"Oleh itu, apabila Kerajaan Pusat membuat janji, kita menunaikan janji-janji yang telah kita buat dan ini dapat dibuktikan di seluruh negara," katanya pada majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Kampung Tendong, dekat sini, semalam.

Perasmian jambatan empat lorong sepanjang 966 meter berharga RM166.3 juta merentangi Sungai Kelantan itu disempurnakan oleh Sultan Kelantan. Ia mula dibina pada Oktober 1999 dan siap Julai lalu.

Jambatan itu adalah yang ketiga merintang Sungai Kelantan selepas Jambatan Sultan Yahya Petra di sini dan Jambatan Pasir Mas-Salor. Ketigatiganya menghubungkan Kota Bharu dengan Pasir Mas, Tumpat dan Pekan Golok di Selatan Thailand melalui Rantau Panjang.

Turut hadir ialah Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Dr Mahathir berkata, kejayaan melaksanakan projek jambatan itu adalah sebahagian bukti Kerajaan Pusat terus mengutamakan projek untuk rakyat termasuk di Kelantan dan Terengganu yang diperintah pembangkang.

Beliau berkata, kejayaan Malaysia menikmati pembangunan hingga mendapat pengiktirafan pada peringkat dunia adalah hasil kewibawaan kerajaan BN sekarang, yang dipilih rakyat.

Justeru, rakyat diingatkan supaya tidak menyalahgunakan hak demokrasi dalam memilih kerajaan kerana bukan semua parti yang membentuk kerajaan boleh menunaikan janji untuk membangunkan negara.

"Janganlah anggap siapa juga yang menjadi kerajaan maka ianya dapat memajukan negara. Sebenarnya kita lihat semua negara mempunyai kerajaan tetapi tidak semua negara itu dapat dibangunkan.

"Ini kerana apabila kita memilih kerajaan dan tidak berhati-hati, kita pilih orang yang tidak mampu, maka mustahil kerajaan itu akan membina (projek) pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun rakyat bijak memilih kerajaan berwibawa seperti ditunjukkan pada beberapa pilihan raya lalu, mereka kadang kala tersalah membuat keputusan kerana terpengaruh dengan `janji manis bijak pandai melalui pidato, syarahan dan tuduhan tidak berasas terhadap kerajaan BN.'

Beliau meminta rakyat menoleh ke belakang dan menyemak bagi melihat siapa yang menunaikan janji dan siapa sebaliknya.

"Ini amat penting sekali kerana setiap kali kita adakan pilihan raya, pelbagai janji akan dibuat tetapi kita harus tanya dulu apakah janji itu ditunaikan ataupun tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata, memang ada beberapa janji Kerajaan Pusat yang belum dapat dikotakan seperti usaha membangunkan Koridor Timur membabitkan Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ia disebabkan Pusat tidak mendapat kerjasama pihak berkuasa negeri pimpinan Pas.

Beliau turut membidas pimpinan kerajaan Kelantan dan Terengganu yang mengambil sikap mudah dalam melaksanakan pembangunan negeri masing-masing dengan menyerahkan tugas itu kepada Kerajaan Pusat.

"Ini adalah satu sikap yang tidak baik. Akuilah bahawa Kerajaan Pusat menunaikan janji, janganlah kata janji seperti membangunkan jambatan ini (Jambatan Sultan Ismail Petra) dapat ditunaikan walaupun siapa yang menang atau kalah.

"Ini adalah sesuatu yang tidak baik kerana kita cuba mendapat manfaat daripada janji yang ditunaikan pihak lain (Kerajaan Pusat). Kita sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk rakyat Kelantan, kita sayang kepada rakyat Kelantan walaupun kadang-kadang ramai yang tidak sayang kepada kita (BN)," katanya.